

Sayang anak, belikan komputer

Melayu berdepan krisis jurang digital jika ketinggalan dalam ICT

B. Mingsu m/s 11 8.4.07



MEMANG kita harus men- curigai internet. Ia adalah sungai besar mengalir tanpa kawalan yang boleh diakses se- siapa saja tanpa mengira usia dan latar belakang. Memang internet membawa pelbagai bahaya dan ancaman. Tetapi kita harus mengakui apapun hasil teknologi moden, memang membawa kesan sampingan yang tersendiri.

Pada satu majlis ceramah agama yang saya ikuti, seorang ahli panel mengingatkan hadirin mengenai ba- haya internet. Katanya, internet ada- lah 'sungai kotor dan tercemar.' Di dalamnya banyak maksiat, kejahatan dan keburukan.

Beliau berkata, internet merosak- kan akidah dan boleh menjejaskan keimanan ummah. Jauhi internet, begitu amaran beliau. Pada majlis soal jawab selepas itu beberapa orang bertanya bagaimana kebbaikannya, peluang ilmu dan tradisi keserjanaan di dalamnya? Penceramah itu men- jawab dengan mudah - cari ilmu da- ripada buku dan sumber lain, bukan daripada internet.

Kenyataannya tidak semudah itu. Memang internet adalah sungai mak- lumat yang mengandungi pelbagai perkara - daripada yang sebaik-baik hingga yang seburuk-buruknya. Kita tidak perlukan lesen untuk menimba- sungai itu. Memang internet penuh dengan caci nista, fitnah dan tudu- han tidak berasas juga bahan por- nografi, selain pelbagai maklumat untuk membuat apa saja - termasuk bom. Pada waktu sama, tidak semua buku baik. Ada buku yang mero- sakkan, menjejaskan akidah dan menga- jak pada keburukan.

Kenapa tidak dimanfaatkan inter- net sebaiknya? Mengapa tidak digu- nakan dengan waspada dan meman- faatkan khazanah ilmu di dalamnya. Terasnya ialah pendidikan dan pe- mahaman, juga kekuatan dalam diri. Jikalau kita boleh khayal dengan TV dan peralatan elektronik moden, kita memang boleh khayal dengan apa yang dipaparkan dalam internet.

Saya selalu ditanyakan bagaima- nah saya mendapat maklumat untuk menulis rencana dalam kolom ini, ju- ga di dalam akhbar *New Straits Times* setiap Sabtu. Memang saya mempun- yai perpustakaan peribadi yang re- latif baik. Tetapi sekarang saya tidak perlu menghabiskan banyak masa membuka buku rujukan. Apa yang perlu saya lakukan ialah mendapat akses ke dalam internet, mengguna- kan enjin carian Google.com, dan me- minta apa yang saya perlukan.

Pada 3 Mac lalu, di dalam akhbar *New Straits Times*, saya menulis me- ngenai Martin Scorsese yang dianu- gerahkan Pengarah Terbaik dalam Hadiah Akademi terbaru kerana filem *The Departed*. Memang saya mempun- yai beberapa buku mengenai penga- rah ini. Tetapi untuk mendapatkan filmografi beliau, saya hanya perlu masuk ke dalam Google.com dan me- naip 'Martin Scorsese'. Dalam masa hanya 0.03 saat, 1.7 juta bahan men- genai pengarah ini muncul. Saya han- ya perlu memilih bahan yang saya perlukan. Tidak lama dulu, saya me- nulis mengenai 'jihad' yang kini men- jadi perkataan yang ditakuti Barat dan musuh Islam. Saya menaip 'jihad' dan dalam masa 0.05 saat, saya berdepan dengan 15.3 juta bahan mengenainya.

Semua bahan dalam bahasa Ing- geris itu hanya dalam enjin carian Google.com saja. Itu belum lagi mi-

salnya dalam Yahoo dan lain-lain. Ba- yangkan betapa cepat dan mudahnya maklumat ini sampai pada kita. Se- mua percuma.

Satu perkara yang tidak harus kita lupa ialah bukan semua bahan dan maklumat itu betul. Memang 'jihad' akan dilihat dalam pelbagai konteks bergantung pada cara dan kaedah pe- nulis mentafsirnya. Memang perka- taan seperti itu boleh menimbulkan banyak salah faham. Kita yang se- patutnya membuat penilaian memilih mana yang betul dan salah, serta mem- buat pertimbangan sewajarnya untuk menentukan baik buruknya.

Jikalau anda menaip 'Malaysia' da- lam Google.com anda akan mendapat 207 juta bahan mengenainya; taip 'Is- lam' anda memperoleh 86 juta bahan; 'peradaban Islam' memberikan 1.3 ju- ta bahan; 'serangan jantung' mem- berikan 46 juta bahan; 'Palestin' lebih 47 juta bahan; kelab bola sepak 'Man- chester United' lebih 51,000 bahan; 'Kuala Lumpur' 9 juta bahan; 'pisang' 49 juta bahan; 'perbankan Islam' 1.5 juta bahan; 'Proton' 28.5 juta bahan; 'Umno' 1.1 juta bahan dan 'Pas' 37,500.

Anda pernah mendengar nama kampung saya, Sungai Balang Besar, Muar, Johor? Taip 'Sungai Balang' dan Google.com memberikan 513 bahan. Anda mahu tahu berapa banyak ru- jukan mengenai Datuk Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis dalam Google.com? Lebih 12,000.

Bayangkan kerugiannya jika kita tidak memanfaatkan internet. Dunia ilmu sudah berubah akibat teknologi maklumat (ICT) dan internet ialah produk ICT yang amat penting. Saya tidak perlu mengingatkan bahawa ba- nyak urus niaga di dunia ini yang dijalankan melalui internet. Malah se- benarnya e-dagang adalah fenomena yang mulai mengubah cara urus niaga global hari ini. Urus niaga dalam in- ternet berlipat ganda sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Ambil saja contoh E-Bay yang menjual barang lelong bernilai lebih RM155 bilion ta- hun lalu, jumlah itu sebenarnya tiga perempat daripada Bajet Rancangan Malaysia Kesembilan!

Internet juga memberikan satu wa- hana baru - kelahiran blog atau web- log. Ini adalah *posting* yang dibina untuk dibaca orang ramai. Pengendali atau pemiliknya - yang dikenal se-

PETIKAN

"...Saya cadangkan setiap Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri mewujudkan pusat komputer di kawasan mereka. Unit politik dan sosial pada peringkat akar umbi, harus mewujudkan rangkaian komputer..."

bagai bloggers – akan menulis di dalam blog mereka. Pengguna internet menghabiskan banyak masa membaca blog hari ini. Malah blog mulai menjadi ancaman bukan saja pada tradisi membaca buku tetapi akhbar arus perdana. Sekali lagi bukan semua pengendali blog atau bloggers boleh dipercayai atau berkredibiliti. Soalnya internet menjanjikan demokrasi dengan cara yang luar biasa. Internet memberikan kuasa demokratik kepada pengguna. Mereka membuat pilihan sendiri dengan cara mereka.

PETIKAN

“...Ingatlah, anak Melayu akan ditinggalkan teknologi dan ilmu jika mereka tidak dilengkapi dengan kemahiran untuk menguasai komputer dan internet. Sayangnya anak, belikan komputer...”

Proses pendemokrasian internet ini terlihat dalam bentuk ilmu juga. Selama ini fahaman kita mengenai ensiklopedia ialah berjilid-jilid buku rujukan, tebal dan sukar diakses dan mahal harganya. Hari ini, internet memberikan kita *Wikipedia* yang menjadi ensiklopedia percuma. Lebih menarik lagi, bahan ensiklopedia ini boleh disumbangkan sesiapa saja. Anda boleh mencadangkan entri dan membetul atau menambah entri. Sekali lagi, internet memberikan peluang baru kepada penggunanya. Ilmu dan tradisi keilmuwan bukan milik eksklusif ilmuwan dan sarjana. Anda juga boleh menyumbang ke arah pembinaan ilmu.

Maka itu saya amat khuatir jika anak Melayu ketinggalan dalam soal ICT dan penguasaan internet ini. Krisis terbesar masa depan ialah wujudnya apa yang disebutkan jurang digital atau *digital divide*. Keadaan ini

akan menentukan pula penguasaan ilmu dan kekayaan. Dipendekkan cerita jurang digital akan membawa kesan yang lebih buruk daripada ketidaksamarataan pendapatan atau isu kemiskinan. Malah kemiskinan dan dispariti pendapatan masa depan akan dicorakkan oleh jurang digital ini.

Saya gembira kerana Kementerian Pelajaran memberikan perhatian serius soal yang membabitkan ICT di sekolah. Program pembestarian sekolah adalah program berterusan untuk tujuan pendedahan ICT ini. Di dalam buku Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPPP) ada bab berjudul ‘Merapatkan Jurang Pendidikan’. Kementerian cuba menangani isu jurang digital dengan menyediakan lebih banyak makmal sekolah dan pusat akses komputer serta menambah prasarana melalui rangkaian School/Net berjalur lebar.

Tetapi kita tidak harus melupakan peranan ibu bapa dalam soal ini. Saya bimbang ibu bapa Melayu banyak mengambil mudah soal ini. Mereka cukup liat untuk melengkapkan rumah mereka dengan komputer. Mereka menganggap ada keutamaan lain selain membelikan komputer untuk anak – misalnya mereka lebih mengutamakan membesarkan rumah, membeli kereta baru atau barang kemas berharga. Apabila Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF) memulakan skim pinjaman komputer, skim itu disalahgunakan sebahagian besarnya ibu bapa Melayu.

Saya menyokong program ‘Sebuah Komputer Setiap Rumah’. Saya juga percaya pada inisiatif yang disokong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ‘One Laptop Per Child’ yang digerakkan Pengarah Makmal Media di Institut Teknologi Massachusetts (MIT), Nicholas Negroponte. Saya juga ingin mencadangkan setiap Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri mewujudkan pusat komputer sebanyak-banyaknya di kawasan mereka. Pada waktu sama, unit politik dan sosial pada peringkat akar umbi, harus mewujudkan rangkaian komputer ini.

Ingatlah, anak Melayu akan ditinggalkan teknologi dan ilmu jika mereka tidak dilengkapi kemahiran menguasai komputer dan internet. Sayangnya anak, belikan komputer, itulah nasihat saya.

"...Internet adalah sungai besar yang mengalir tanpa kawalan yang boleh diakses sesiapa saja tanpa mengira usia dan latar belakang. Memang internet membawa bahaya dan ancaman..."

"...Mengapa musuhi internet, kenapa tidak digunakan dengan waspada sambil memanfaatkan khazanah ilmu di dalamnya? Terasnya ialah pendidikan dan pemahaman..."

"...Tidak lama dulu, saya menulis mengenai 'jihad' yang kini ditakuti Barat. Saya menaip 'jihad' dalam Google.com dan dalam masa 0.03 saat, saya berdepan 15.3 juta bahan mengenainya...."

"...Pengguna internet menghabiskan banyak masa membaca blog. Malah blog menjadi ancaman pada tradisi membaca buku dan akhbar arus perdana..."